

# Tahallul

## Pengertian Tahallul

Tahallul ialah melepaskan diri daripada pantang larang dalam masa berhram haji atau umrah

Untuk keluar daripada ihram haji atau umrah, hendaklah seseorang itu menggugurkan rambut di kepala dengan bercukur atau bergunting kerana bertahallul

# Tahallul

## Hukum Bertahallul


Tahallul ialah satu daripada **rukun** ibadat haji atau umrah yang mesti dilakukan

## Bahagian Tahallul



1. Tahallul awal
2. Tahallul thani

# Grafik Tahallul Dan Bergunting

Boleh cukur pendek



Boleh cukur gundul



Boleh potong merata  $\pm$  2 cm.



Boleh potong ujungnya  $\pm$  2 cm

# Tahallul Awal

**Tahallul Awal** - ialah apabila seseorang yang mengerjakan ibadat haji telah melakukan dua daripada tiga perkara yang berikut:

- a) Melontar Jamrah Aqabah
- b) Tawaf rukun dan sa'ie
- c) Bercukur atau bergunting

# Tahallul Awal

Apabila telah selesai bertahallul awal, orang yang mengerjakan ibadah, telah keluar dari ihramnya (*sebahagian*), *tetapi masih ada tiga perkara lagi yang masih diharamkan keatasnya:*

- a) Bersetubuh
- b) Bercumbu-cumbuan
- c) Aqad nikah

# Tahallul Thani

**Tahallul thani** - ialah apabila seseorang yang mengerjakan ibadat haji telah melakukan ketiga-tiga perkara yang berikut:

- a) Melontar Jamrah Aqabah
- b) Tawaf rukun dan sa'ie
- c) Bercukur atau bergunting

Dengan melakukan ketiga-tiga perkara. Semua pantang larang semasa berhram telah diangkat

# Tahallul Umrah

Iaitu dengan menyempurnakan kesemua **rukun-rukun** umrah, yang lima: niat ihram umrah, tawaf umrah, sa'ie umrah, bergunting atau bercukur dan ikut tertibnya. *(Dengan bergunting atau bercukur, keluarlah ia dari ihram umrahnya)*

# Syarat Tahallul

Menghilangkan sekurang-kurangnya tiga helai rambut di kepala, sekalipun diujungnya

## Sunnat Tahallul

1. Bercukur bagi lelaki dan bergunting bagi perempuan
2. Bersuci dari hadas kecil dan besar, juga bersih dari najis
3. Menghadap qiblat ketika bercukur atau bergunting

# Gambar Bertahallul



# Sunnat Tahallul

4. Memegang ubun-ubun ketika hendak bercukur atau digunting, sambil bertakbir dan membaca doa ini:

Allahu Akbar (3x), Allah hum-ma hadzihi naasiyatii biyadika, faj'al lii bikul-li sya'ratin nuuran yawmal qiyaamati, waghfir liidzanbii, yaa waasi'al maghfirati. Amiin.

# Sunnat Tahallul

4. Memegang ubun-ubun ketika hendak bercukur atau digunting, sambir bertakbir dan membaca doa ini:

## *Maksudnya:*

*Allahu Maha Besar (3x), Ya Allah, ubun-ubun kepala ini didalam kekuasaanMu, maka jadikanlah setiap helai rambut suatu cahaya di hari qiamat. Dan ampunkanlah dosaku Ya Tuhan Yang Maha Luas PengampunanNya.*

## 5. Bacaan Doa Selepas Tahallul

Alhamdulillahil ladzii qadaa ‘an-ni nusukii, Allah hum-ma aatini bikul-li sya’ratin hasanatan, wamhu ‘an-nii bihaa saiyyi-atin , warfa’ lii bihaa darajatan, waghfirlii walill muhalliqiina wal mugas-siriina wajamii’il muslimiina, Allah hum-ma zidnaa iimaanana wa yaqiinan watauriqan wa ‘aunan waghfirlana wali aa-baa inaa wa um-mahaatina, wasallallahu ‘alaa Saiyyidinaa Muhammadin wa ‘alaa aa-lihi wasahbihi wassal-lam. Aamiin.

## 5. Bacaan Doa Selepas Tahallul

### *Maksudnya:*

*Segala puji bagi Allah yang telah menolongku menunaikan ibadatku ini (haji atau umrah). Ya Allah, berilah aku satu kebaikan dengan setiap helai rambut ini, dan padamkanlah dengannya satu kejahatan. Dan angkatkan aku dengannya satu darjat. Ampunkanlah aku dan sekelian yang bercukur dan yang bergunting dan sekelian muslimin. Ya Allah, tambahkanlah kami dengan keimanan, keyakinan, taufik dan pertolongan. Dan ampunilah kami serta ibubapa kami.*

# Sunnat Tahallul

6. Menanam rambut
7. Memberi upah dengan ikhlas

## Sunnat-Sunnat Bagi Yang Mencukur / Bergunting

1. Muslim – adil
2. Suci dari dua hadas dan najis
3. Mencukur dimulai dari sebelah kanan, kemudian hadapan, seterusnya sebelah kiri. Menggunting sebelah tepi.

# Tertib Pada Kebanyak Rukun

*Rukun haji hendaklah dikerjakan menurut susunan (tertib) yang ditentukan:*

1. Dahulukan niat ihram dari rukun-rukun yang lain
2. Dahulukan wukuf dari tawaf ifadhah
3. Dahulukan tawaf sa'ie
4. Bercukur atau bergunting (*boleh dilakukan selepas wukuf dan sebelum tawaf rukun dan sai*)  
(*sa'ie haji boleh dilakukan sebelum wukuf dan tawaf rukun, bagi yang mengerjakan haji ifrad dan qiran – selepas tawaf qudum*)

# Wajib Haji

## *Wajib Haji Enam (6) Perkara*

1. Berihram dari miqat
2. Bermalam di Muzdalifah
3. Melontar Jamarah Aqabah
4. Bermalam di Mina
5. Melontar ketiga Jamarat
6. Menjauhi larangan-larangan ihram